

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/5/2013

Muka surat: 14

Tajuk : UNIMAS Rancang Bangun Pusat Penyelidikan UNIMAS Di Mukah.



DISKUSI: Kadim (kiri) berbincang mengenai Hospital UNIMAS bersama Morshidi.

UNIMAS rancang bangun Pusat Penyelidikan UNIMAS di Mukah

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah merancang membangunkan Pusat Penyelidikan UNIMAS di Mukah di atas tapak berkeluasan hampir 100 ekar yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Ia bertujuan menyediakan satu hab penyelidikan berpusat untuk sokongan kepada penyelidikan untuk industri yang telah dikenal pasti di kawasan SCORE bagi membangunkan penyelidikan industri berdasarkan sumber asli dan persekitaran.

Perkara itu dibincangkan sewaktu Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad

Kadim Suaidi mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Tan Sri Datuk Amar Morshidi Ghani kelmarin.

Kadim yang merupakan Naib Canselor UNIMAS ke-6 pada 16 April lalu berkata ia akan membantu menjadikan Mukah sebagai bandar pintar dengan tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Mukah sebagai pusat pentadbiran RECODA.

Dalam kunjungan hormat itu juga, kedua-dua pihak membincangkan mengenai prospek kerjasama strategik

di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan UNIMAS bagi meningkatkan kerjasama pintar antara kedua-dua pihak dalam agenda Sarawak untuk menjadi negeri berpendapatan tinggi terutama dalam bidang sains dan teknologi selain pembangunan SCORE.

Turut hadir sama menemani adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, Pendaftar UNIMAS Ahmad Katang, Timbalan Dekan (Pembangunan) UNIMAS Profesor Madya Dr Awil Idi dan Pegawai Khas Naib Canselor UNIMAS Zulkarnaen Ali.